

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20/4/2012



DR Mahathir dibenarkan pulang selepas menjalani pembedahan kecil di PPUKM, semalam.

## Dr M sihat, dibenar pulang

BH - 20/4/2012

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad yang dirawat di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), di sini selepas menjalani pembedahan kecil, dibenarkan pulang semalam.

Bekas Perdana Menteri itu menjalani pembedahan kecil untuk

membuang polip nasum, Selasa lalu.

Beliau dibenarkan pulang pada jam 10.30 pagi, kata kenyataan yang dikeluarkan pembantunya.

"Beliau sihat dan doktor berpuas hati dengan keadaannya," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut, Dr Mahathir akan diberi cuti sakit sehingga hujung minggu dan dinasihat berehat di kediamannya.

Pembedahan selama sejam itu dijalankan oleh sekumpulan pakar perubatan, diketuai Prof Dr Abdullah Sani Mohamed. - BERNAMA